

MDE FC BERPELUANG RAMPAS TAKHTA LIGA 1MCC 2016

KUALA LUMPUR 14 April - MDE FC berpeluang cerah mengisi tangga teratas carta Liga 1MCC 2016 (Zon Lembah Klang Bawah 16) jika mampu menundukkan dua pencabarnya dalam perlawanan minggu ketiga di Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahad ini.

MDE FC yang kini menduduki tempat kedua, perlu menang ke atas Lestari Junior FC dalam perlawanan pertama, kemudian mesti mengecewakan Socer Star Academy untuk memungut enam mata penuh, sekali gus mengumpulkan 16 mata.

Lestari Junior FC kini mengumpul tujuh mata, mengisi tempat keenam liga manakala Socer Star Academy yang menang sekali, kalah dua dan satu seri memiliki empat mata di tangga ke-10.

Bagaimanapun, MDE FC yang kini di tempat kedua liga, hanya boleh mengisi juara carta menggantikan pendahulu KB Remaja Kajang (KBRK) seandainya KBKR gagal menang berturut-turut dalam dua perlawanan berikutnya.

Setakat ini KBRK dan MDE FC

masing-masing mengumpulkan 10 mata, tetapi KBRK berada di atas berdasarkan kelebihan gol.

Ahad ini, KBRK perlu menang ke atas Nuri FC yang berada di tangga ketujuh liga, sebelum diuji oleh pesaing tradisi KB Junior Bangi.

Sementara itu, Presiden KBRK, Yusri Jauhari ternyata tidak berani untuk mengatakan skuadnya boleh menang selesa hujung minggu

ini kerana kedua-dua pesaingnya memiliki kelebihan tersendiri yang hanya boleh dilihat ketika beraksi nanti.

"Setakat ini kami tidak boleh mengukur kekuatan sesebuah pasukan itu berdasarkan rekod empat perlawanan terdahulu. Ini kerana prestasi sesebuah pasukan boleh berubah secara drastik dari

semasa ke semasa bersandarkan semangat juang pemain.

"Namun begitu, saya amat berbangga kerana walaupun kami bukan pasukan pilihan, tetapi pemain telah berikrar kepada diri mereka sendiri untuk menang. Insya-Allah, janji itu menjadi kenyataan," ujarnya.



YUSRI JAUHARI